

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 DISEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 29

Petronas menang bidaan di Brazil

Petronas menang bidaan di Brazil

Memenangi blok cari gali Agua Marinha bersama rakan-rakan niaga luar negara

KUALA LUMPUR

Syarikat minyak dan gas negara, Petronas menerusi anak syarikat Petronas Petróleo Brasil Ltda (PPBL) dan rakan-rakan niaga berjaya memenangi blok cari gali Agua Marinha dalam bidaan rejim perkongsian pengeluaran terbuka pertama yang diadakan di Rio de Janeiro. Ini menyaksikan PPBL akan

menguasai 20 peratus kepentingan penyertaan dalam blok yang terletak di Lembangan Campos manakala masing-masing Petrobras (operator atau pengendali) sebanyak 30 peratus, TotalEnergies 30 peratus dan QatarEnergy 20 peratus.

Dalam kenyataan pada Selasa, Petronas berkata, Agensi Kebangsaan Petroleum, Gas Asli dan Bio Bahan Api Brazil (ANP) telah mengumumkan keputusan terbabit secara langsung pada 16 Disember lepas.

"Kami amat gembira dan teruja dengan keputusan hasil pusingan bidaan tersebut. Kejayaan ini jelas membuktikan kelebihan daya saing Petronas untuk pembangunan mampan serta pengewangan aset di kawasan Lembangan Campos.

"Petronas juga kekal fokus untuk menjana lebih banyak nilai daripada aset ini dengan rakan-rakan selain pihak berkuasa terbabit," kata Naib Presiden Eksplorasi, Mohd Redhani Abdul Rahman.

PPBL sebelum ini mengumumkan penemuan minyak pertama di medan minyak Sépia di Lembangan Santos.

Ia mempunyai 21 peratus kepentingan penyertaan dalam kawasan terbabit.

PPBL turut memiliki kepentingan penyertaan dalam Tartaruga Verde (Konsesi BM-C-36) dan Module III medan laut dalam Espadarte (Konsesi Espadarte) selain tiga blok cari gali laut dalam C-M-541, C-M-661 dan C-M-715 di Lembangan Campos. -Bernama



Petronas akan terus fokus untuk menjana lebih banyak nilai daripada aktiviti eksplorasi bersama rakan-rakan niaga antarabangsa.